

Kritikan Sulalatus Salatin

wajar diterbitkan

» Pengkaji, pembaca perlu edisi lengkap untuk rujukan

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Edisi kritikan naskhah *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* yang mengambil kira semua 32 versi perlu diterbitkan supaya dapat dirujuk pengkaji dan pembaca, sekali gus mewakili edisi lengkap yang bersih daripada kesilapan, sama ada disebabkan salah baca, interpretasi mahupun salinan.

Perbincangan edisi kritikan *Sulalatus Salatin* itu melingkari Siri Kedua Wacana *Sulalatus Salatin* di Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, baru-baru ini, sebelum dipersetujui oleh sarjana yang hadir.

Mereka sebulat suara mengakui pelbagai versi yang ada terikat dengan pelbagai isu terutama kaedah transliterasi yang dibuat terdedah kepada banyak kesilapan

akibat salah baca dan ketepatan kisah termasuk watak serta peristiwa setiap naskhah.

Wacana itu menyarankan pembinaan edisi kritikan *Sulalatus Salatin* dibuat secara berkumpulan dan dianggotai ahli panel pelbagai bidang termasuk filologi, sejarah, linguistik dan pengajian Islam.

Panel pikul tugas berat

Ahli panel itu mempunyai tugas besar untuk memastikan ia menjadi edisi lengkap, terbaik, berwibawa dan boleh mewakili puluhan versi yang berbeza.

Pengkaji sastera tradisional, Dr Harun Mat Piah pada pembentangan makalahnya Membina Edisi Kritikan *Sulalatus Salatin: Persoalan Konsep dan Pendekatan*, mengakui penghasilan edisi kritikan itu bukan tugas mudah kerana ia menuntut kerja berkumpulan untuk melihat mahupun meneliti semua naskhah *Sulalatus Salatin*.

“Projek penerbitan edisi kritikan *Sulalatus Salatin* ini masih berada pada peringkat awal dan ia dimasukkan pada program penerbitan berpakej Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

“Setakat ini, sarjana belum dilantik secara sah kerana ia memerlukan sedikit masa, apatah lagi sehingga kini cuma 15 versi berada di tangan kami, manakala usaha pengumpulan semua 32 versi masih dijalankan,” katanya pada wacana yang dipengerusikan oleh Ketua Jabatan Kesusasteraan Melayu APM, Datuk Dr Hashim Awang.

Dr Harun berkata, edisi kritikan itu dapat membawa pembaca mengetahui pelbagai kelainan dan persamaan antara versi yang ada dengan membuat perbandingan setiap satu edisi, selain menggunakan sumber lain sama ada bertulis, lisan, sejarah, mitos dan legenda.



Sebahagian peserta *Wacana Sulalatus Salatin* Siri Kedua di APM UM, Kuala Lumpur, baru-baru ini. (FOTO NIK HARIFF HASSAN/BH)

Gagasan menerbitkan edisi kritikan *Sulalatus Salatin* itu turut mendapat perhatian sarjana lain termasuk tokoh bahasa, Prof Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Karim yang mengharapkan edisi dan versi sedia ada *Sulalatus Salatin* tidak dilupakan begitu saja kerana kaya dengan karakter mahupun ciri unik.

“Saya setuju dapat dilihat banyak perbezaan apabila naskhah *Sulalatus Salatin* dibaca dalam pelbagai versi, tetapi kehadiran edisi kritikan ini tidak seharusnya melenyapkan 32 versi yang ada kerana kepelbagaian bahan juga penting daripada sudut akademik kerana mempunyai perwatakan tersendiri,” katanya.

Sementara itu, Felo Penyelidik Kanan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Noriah Taslim turut melihat kepentingan memaratat versi sedia ada kerana ia masih bersifat representatif dan unik sendiri.



Dr Harun Mat Piah

“Apabila *Sulalatus Salatin* diteliti secara mendalam, ternyata ada tiga mekanisme interaksi diplomatik yang digunakan oleh Kesultanan Melayu Melaka, iaitu melantik utusan berwibawa dan berilmu, kebijaksanaan jurutulis istana mengarang warkah serta bingkisan hadiah berbentuk mewah”

Dr Salmah Jan Noor Muhammad,
Pensyarah Kanan FBMK UPM

Setiap teks unik sendiri

“Pada pandangan saya, setiap penyalin teks *Sulalatus Salatin* ialah pengarang sehingga setiap teks bersifat unik sendiri. Umpamanya, kita tidak boleh mengatakan pantun dalam versi pertama lebih menarik berbanding versi lain kerana ia mungkin dianggap baik oleh penulis asalnya.

“Saya mengharapkan edisi kritikan yang dicadangkan ini tidak mencantumkan cerita daripada teks sedia ada, sebaliknya mengambil teks yang betul-betul dianggap mewakili 32 teks dengan mendapat persetujuan ahli filologi dan dilakukan silang rujuk,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Pensyarah Kanan, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Salmah Jan Noor Muhammad menyorot kerjasama diplomatik pemerintahan dan pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka membina empayar besar, turut dipengaruhi keupayaan merancang strategi ketika mengadakan hubungan diplomasi dengan negara lain.

“Apabila *Sulalatus Salatin* diteliti secara mendalam, ternyata ada tiga mekanisme interaksi diplomatik yang digunakan oleh Kesultanan Melayu Melaka, iaitu melantik utusan berkredibiliti dan berilmu, kebijaksanaan jurutulis istana mengarang warkah serta bingkisan hadiah berbentuk mewah.

“Frasa seperti bingkisan dan utusan yang disebut dalam *Sulalatus Salatin* menarik perhatian saya untuk mengklasifikasikannya, sebagai mewakili hubungan diplomatik Kerajaan Melaka ketika itu,” katanya ketika membentangkan makalah *Hubungan Diplomatik Pada Zaman Pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka Dalam Sulalatus Salatin*.

Wacana anjuran Bahagian Penyelidikan Sastera dan Pusat Dokumentasi Melayu DBP dengan kerjasama APM UM itu, turut dihadiri Pengarah Jabatan Dasar dan Penyelidikan DBP, Abdul Khalik Sulaiman dan Pengarah APM, UM, Prof Dr Mohamad Mokhtar Abu Hassan.